

SIARAN MEDIA

GABUNGAN DIINGAT TIDAK MELINTASI BATAS

KUALA LUMPUR, 9 FEBRUARI 2022 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengambil maklum akan kenyataan-kenyataan yang diberikan oleh beberapa gabungan perusahaan berpengaruh baru-baru ini, yang telah memberi peringatan kepada para pengguna, antaranya, supaya bersedia menghadapi kenaikan harga makanan dan bukan makanan sehingga 10% dan juga mengenai jangkaan gangguan bekalan makanan tertentu sehingga bulan Ramadhan dan Aidilfitri yang didakwa disebabkan perbincangan berkenaan subsidi yang berpanjangan.

MyCC memandang kenyataan entiti-entiti ini dengan penuh kebimbangan. Perlu ditekankan disini bahawa entiti-entiti ini mempunyai pengaruh kuat dalam pasaran yang berkaitan dan oleh itu, kenyataan-kenyataan tersebut boleh dianggap sebagai percubaan untuk mempengaruhi tingkah laku perusahaan dalam pasaran. Tindakan sedemikian, jika didapati mempunyai unsur-unsur menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam pasaran, boleh menimbulkan isu persaingan di bawah Akta Persaingan 2010. Sebagai contoh, memberi isyarat kepada pasaran mengenai potensi kenaikan harga. Kenyataan-kenyataan sedemikian oleh entiti-entiti ini adalah tidak perlu dan boleh menimbulkan keresahan dan panik di kalangan pengguna.

Isyarat harga atau *price signalling* boleh membawa maksud kepada pelawaan untuk bersepatat atau pendedahan penentuan harga atau *pricing disclosure* yang berpotensi menyebabkan kesan anti-persaingan boleh dianggap sebagai satu pelanggaran di bawah larangan perjanjian anti-persaingan generik atau larangan amalan bersepatu.

Semua entiti dinasihatkan untuk memfokuskan setiap usaha untuk berganding bahu bersama kerajaan dalam mencari langkah terbaik untuk menangani isu-isu berkaitan. MyCC ingin mengingatkan semua kumpulan terutamanya persekutuan persatuan atau persatuan peniaga atau perusahaan agar mengelak daripada mengeluarkan kenyataan yang sama atau sebarang kenyataan yang boleh membawa kesan yang sama pada masa hadapan.

“MyCC akan terus memantau situasi ini secara berterusan dan menilai kesan anti-persaingan dari isyarat harga dan pendedahan penentuan harga; menyiasat pendedahan dan pertukaran maklumat yang bersifat anti-persaingan; dan sekiranya perlu, mengambil tindakan penguatkuasaan termasuk mengenakan penalti dan arahan bersesuaian terhadap pihak terbabit,” kata Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

-tamat-

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noor Azila Ahmad, Pengarah, Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit : +6019 268 7030

Emel : azila@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkukuhkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my.